

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN NO. 83

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan desentralisasi kuasa kepada Sabah dan Sarawak dan jelaskan secara terperinci kuasa-kuasa tersebut.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Semenjak daripada 17 Disember 2018 sehingga sekarang, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah bersidang beberapa kali. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan telah menjalankan perbincangan masing-masing bagi meneliti senarai isu-isu yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak termasuk yang menyentuh desentralisasi kuasa Kerajaan Persekutuan selaras dengan rangka tuntutan di bawah Perjanjian Malaysia 1963.

Jawatankuasa ini telah membincangkan isu-isu yang dikemukakan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Satu Laporan terperinci akan disediakan berhubung dengan hasil semakan yang telah dibuat beserta dengan cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya. Ini dijangka akan berlaku dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.